

Adam: Asean perlu kerah tekad politik

Cabaran ke arah tindakan bersama

PULAU PINANG, Isnin — Cabaran Asean hari ini ialah untuk mengerahkan tekad politik supaya bertindak bersama untuk mencapai matlamat-matlamat bersama negara anggota, kata bekas Naib Presiden Indonesia, Tun Adam Malik di sini hari ini.

Ini bererti mereka mestilah sedar mengenai implikasi-implikasi yang berkaitan dengan kepentingan negara-

negara individu dan kepentingan rantau Asean keseluruhannya, tambah beliau.

Berucap di persidangan Pengurusan Serantau Pertubuhan Asian bagi Pertubuhan-Pertubuhan (AAMO) yang kelapan di sini, beliau berkata bahawa pengurusan kerjasama pembangunan antara negara Asean telah mencapai peringkat yang penting.

Tambahnya lagi, "ia harus diberikan pendekatan yang lebih berkesan dan secara kolektif sekiranya ia mahu mencapai kejayaan politiknya, sosio-ekonomi yang dikehendaki di dalam

pembangunan serantau."

Dengan itu untuk memenuhi keperluan-keperluan pengurusan Asean, penubuhan sebuah institut pengurusan Asean serantau perlu dipertimbangkan dengan teliti, katanya.

Tanggungjawab

Institut seumpama itu dapat melengkapkan para pengurusan Asean di masa ini dan masa depan untuk memikul tanggungjawab untuk menyedarkan Asean mengenai masa depannya dan perannya dalam konteks sejarah, kebudayaan dan tradisinya.

Tun Adam berkata bahawa Asean telah muncul sebagai rantau yang baru yang sentiasa menghadapi perubahan dan cabaran ketika ini. Untuk beberapa peringkat pembangunan-politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyatnya.

Mengenai kerjasama antara Asean, beliau berkata bahawa bantuan luar harus menjadi rangkai, yang telah dibina, untuk menyertai projek-projek usahasa di kalangan negara-negara anggota Asean dalam bidang perubuhan, kegiatan bank, insurans, perkilangan, pelancongan dan pertanian. Tambah beliau, tidak memadai dengan mempunyai para pakar teknikal dalam pertubuhan serantau.

Beliau berkata, "adalah penting bagi kita untuk mempunyai pakar-pakar dalam bidang pengurusan, teknikal untuk kita dapat menggunakan tenaga pakar-pakar itu dengan maksimum."

"Dalam lain-lain perkataan, pembangunan ekonomi berasaskan rakyat dan kecekapan mereka."

Ini adalah satu proses yang panjang kerana orang ramai kini mulai sedar bahawa tidak ada pembangunan yang dapat dipenolehi dalam sekejap-mata.

Sementara itu, dalam kertas-kerjanya mengenai pengurusan pertumbuhan keserantau dalam rantau Asean, Tun Adam berkata bahawa Asean kini terpaksa mengendahkan isu-isu penting dan dinamik berkaitan dengan tindakan sewajarnya untuk memupuk kegiatan serantau dengan berkesan.

Ini harus dilakukan dengan penuh keazaman untuk mempercepat pelbagai usaha pembangunan oleh negara anggota. Asean dan ia memerlukan tindakan bersama yang disebabkan dengan gigit, jelas beliau.

Tun Adam juga berkata walaupun perbincangan mengenai konsep Asean tidak harus ditimbulkan, adalah tidak benar untuk mendakwa bahawa semua isu mengenai penubuhan Asean telah diselesaikan.

"Tetapi, mungkin, kita boleh mengatakan dengan yakin bahawa kita sudah mencapai kemajuan yang memuaskan untuk membolehkan Asean mara ke peringkat kedua iaitu peringkat yang lebih spesifik, katanya.

Beliau walau bagaimanapun, mengingatkan bahawa ekonomi dunia yang kompleks dan susunan politik tidak pernah statik tetapi sentiasa berubah dan di samping itu terpaksa menghadapi sifat saling bergantung kalangan ekonomi-ekonomi negara yang kian meningkat. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia